KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

# K@MPoI

**Kedah Academic Master Plan of Intervention**

## Pendidikan Islam

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

بسم الله الرحمن الرحيم

# *Tinta Harapan dan Penghargaan*



**Haji Rozaini bin Ahmad**
**Pengarah Pendidikan Negeri Kedah**

**~Kebersamaan Memacu Pendidikan Kedah~**

Assalammualaikum warahmatullah hiwabarokatuh dan salam ‘Kebersamaan Memacu Pendidikan Kedah’.

Setinggi-tinggi kesyukuran dizahirkan kepada Allah Yang Maha Agung atas limpahan kasih sayang-Nya, **Modul K@MPol** atau ***Kedah Academic Master Plan of Intervention*** yang melibatkan tujuh belas mata pelajaran utama di negeri Kedah dapat direalisasikan. Pujangga ada menyatakan ‘bukan mudah, hendak mudah’, namun hasrat saya terhadap warga pendidikan di negeri Kedah adalah ‘Kebersamaan Memacu Pendidikan Kedah’ merupakan langkah awal melakar sesebuah kejayaan.

Penghasilan **Modul K@MPol** adalah melibatkan kerjasama semua sektor utama JPN Kedah dan diterajui oleh Sektor Pembelajaran, JPN Kedah. Gabungan idea yang padu pegawai meja mata pelajaran, pegawai-pegawai di PPD dan guru-guru pakar yang merupakan jurulatih negeri membantu menggarap idea dalam merealisasikan penghasilan bahan yang bermutu ini. Selain itu, **Modul K@MPol** juga merupakan sebahagian wadah pendidikan dalam memastikan kemenjadian murid-murid secara holistik dapat diterjemahkan dalam pendidikan sebenar. Oleh itu, besarlah harapan saya **Modul K@MPol** ini menjadi bahan pilihan yang diguna pakai oleh guru-guru.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan jutaan terima kasih saya kalamkan kepada semua pihak terutamanya Sektor Pembelajaran, Sektor Pendidikan Islam, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, PPD serta pihak yang terlibat secara langsung. Semoga usaha murni ini dapat menjadi satu inspirasi kepada semua guru dan murid di negeri Kedah dalam memastikan kemenjadian dalam kurikulum.

Akhir kata dari saya, bersama-samalah kita memohon keberkatan dan kekuatan daripada Allah SWT semoga kejayaan menjadi milik kita kerana persiapan terbaik untuk esok adalah melakukan yang terbaik untuk hari ini.

Sekian, terima kasih.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Tinta Harapan*
*dan*
*Penghargaan*



**Haji Ahmad Shukri bin Shafie**
**Timbalan Pengarah Pendidikan**
**(Pembelajaran)**
**Negeri Kedah**

~Kebersamaan Memacu Pendidikan Kedah~

Assalammualaikum warahmatullah hiwabarokatuh dan salam sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan rahmat-Nya Sektor Pembelajaran, JPN Kedah berjaya mengemudikan penghasilan **Modul K@MPol** untuk memastikan kecemerlangan murid SPM. Penghasilan Modul **K@MPol** ini adalah selari dengan KSSM pada masa ini dan menepati item Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

**Modul K@MPol** merupakan buah tangan kepada guru-guru dan murid-murid di negeri Kedah dalam usaha memastikan lakaran kejayaan SPM yang cemerlang dapat dicapai. Modul ini merupakan sebahagian usaha yang dilaksanakan dalam memastikan kemenjadian murid. Format Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang baharu merupakan satu penanda aras yang dihasratkan dapat membentuk kualiti dan membuka *horizon* pemikiran dalam pendidikan anak-anak generasi kini. Guru-guru serta anak-anak sekalian, letakkan harapan setinggi gunung, andai jatuh kita masih berada antara ribuan bintang.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan jutaan terima kasih saya kalamkan kepada semua pihak terutamanya guru-guru jurulatih utama mata pelajaran yang terlibat dalam penghasilan **Modul K@MPol**. Usaha yang berterusan ini diharapkan menjadi garapan terbaik buat bekalan anak-anak didik kita dalam peperiksaan SPM nanti. Usaha dan tawakal pastinya langkah awal menyelusuri kejayaan.

Akhir kata dari saya, bersama-samalah kita memohon hidayah daripada Allah SWT semoga lakaran kejayaan dalam bidang kurikulum terutamanya SPM menjadi milik kita.

Sekian, terima kasih.

## SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
## JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

# MODUL MUMTAZ

# SET 1

# SPM 2022

---

# PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 1

2 JAM 30 MINIT

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis* ***nama*** *dan* ***tingkatan*** *anda pada ruangan yang disediakan*

2. *Modul ini mengandungi lima soalan.*

3. *Jawab* ***semua*** *bahagian*

4. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada helaian kertas jawapan yang disediakan.*

5. *Serahkan helaian kertas jawapan anda kepada pengawas bertugas di akhir peperiksaan.*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | |
|---|---|---|
| Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| 1 | 20 | |
| 2 | 20 | |
| 3 | 20 | |
| 4 | 20 | |
| 5 | 20 | |
| **Jumlah** | **100** | |

Modul ini mengandungi 4 halaman bercetak

*Jawab **semua** soalan*

1 (a) Firman Allah SWT:

> وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا وَقَالَ إِنَّنِى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ٣٣
>
> ( Surah al-Fussilat: ayat 33 )

Ayat di atas menerangkan tentang tuntutan berdakwah, beramal soleh dan menjadikan Islam sebagai cara hidup.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan maksud dakwah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** pendekatan dalam menyampaikan dakwah. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

> عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ ، يَقُولُ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ : كُلُّكُمْ رَاعٍ ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، الإِمَامُ
> رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ
> عَنْ رَعِيَّتِهَا ، وَالخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ قَالَ : – وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ – وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي
> مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ (متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan tentang setiap orang adalah pemimpin dan bertanggungjawab atas kepimpinannya.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan maksud perkataan yang bergaris. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab pemimpin. [4 *markah*]

> Pekerja yang bertanggungjawab adalah bekerja mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh majikannya.

(iii) Buktikan bahawa pernyataan di atas dapat mengharumkan nama umat Islam. [4 *markah*]

(c) Nyatakan hukum dan cara bacaan qalqalah dalam ayat di bawah.

> لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ٣

[2 *markah*]

2 (a) Al-Raqib adalah antara sifat Allah SWT yang menggambarkan kesempurnaan-Nya.

(i) Apakah maksud Allah SWT bersifat al-Raqib. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat dengan al-Raqib. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** kesan beriman dengan Allah SWT bersifat al-Raqib terhadap individu. [4 *markah*]

(b) Majoriti umat Islam berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

(i) Senaraikan **dua** nama lain bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** prinsip Syiah yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. [4 *markah*]

(iii) Jelaskan pandangan golongan di bawah berkaitan isu pelaku dosa besar:

a) Ahli Sunnah Wal Jamaah

b) Khawarij [4 *markah*]

3 (a) Hukum muamalat Islam adalah harus.

(i) Nyatakan **dua** unsur yang diharamkan dalam muamalat Islam. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** matlamat pensyariatan muamalat dalam Islam. [4 *markah*]

(iii) Ramalkan apa yang akan berlaku sekiranya umat Islam tidak melaksanakan muamalat Islam. [4 *markah*]

(b) Perkahwinan adalah salah satu sunnah Rasulullah SAW kepada semua umat Islam yang berkemampuan.

(i) Nyatakan maksud perkahwinan. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** hikmah perkahwinan kepada individu muslim. [4 *markah*]

(iii) Nyatakan hukum dan alasan bagi masalah di bawah :

a) Lafaz pemberian mahar tidak disebut dalam akad.
b) Wali pengsan selepas ijab, ketika bakal suami sedang melafazkan qabul.
[4 *markah*]

4 (a) Zaman Kerajaan Khulafak al-Rasyidin bermula pada tahun 632M-661M dan berpusat di Madinah serta dipimpin oleh empat orang khalifah.

(i) Senaraikan **dua** orang khalifah dalam pemerintahan Khulafak al-Rasyidin. [2 m*arkah*]

(ii) Jelaskan **dua** pencapaian pemerintahan Khulafak al-Rasyidin dalam aspek pendidikan. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** iktibar daripada pemerintahan Khulafak al-Rasyidin. [4 *markah*]

(b) Pilih satu daripada tokoh berikut :
(a) Imam Al-Syafei
(b) Salahuddin al-Ayyubi

(i) Nyatakan riwayat hidup tokoh secara ringkas. [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** ketinggian akhlak tokoh. [4 *markah*]

(iii) Kehebatan tokoh-tokoh Islam masa lampau boleh dijadikan contoh kepada pelajar untuk menjadi seorang yang cemerlang. Huraikan. [4 *markah*]

5 (a) (i) Nyatakan pengertian bersikap benar. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** contoh sikap benar Rasulullah SAW. [4 *markah*]

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menerima sebanyak 3,285 aduan mengenai kandungan yang dianggap sebagai berita palsu bagi tempoh 2020 hingga 31 Mei 2022.

BERNAMA 17 Jun 2022

(iii) Bagaimanakah cara menangani masalah di atas. Huraikan. [4 *markah*]

(b) Sifat tawaduk sangat dituntut dalam kehidupan.

(i) Apakah maksud tawaduk. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** contoh sifat tawaduk Rasulullah SAW yang boleh dicontohi oleh seorang pelajar. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** hikmah mengamalkan sifat tawaduk kepada individu. [4 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT

**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM**
**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH**

# MODUL MUMTAZ

# SET 2

# SPM 2022

---

# PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 1

2 JAM 30 MINIT

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis* ***nama*** *dan* ***tingkatan*** *anda pada ruangan yang disediakan*
2. *Modul ini mengandungi lima soalan.*
3. *Jawab* ***semua*** *bahagian*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada helaian kertas jawapan yang disediakan.*
5. *Serahkan helaian kertas jawapan anda kepada pengawas bertugas di akhir peperiksaan.*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | |
|---|---|---|
| Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| 1 | 20 | |
| 2 | 20 | |
| 3 | 20 | |
| 4 | 20 | |
| 5 | 20 | |
| **Jumlah** | **100** | |

Modul ini mengandungi 4 halaman bercetak.

*Jawab **semua** soalan*

1 (a) Firman Allah SWT:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ
عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٞ ١٣

(Surah al-Hujurat: ayat 13)

Ayat di atas menerangkan tentang kepelbagaian bangsa dalam Islam.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Jelaskan sebab turun ayat 13 Surah Al-Hujurat di atas. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** keutamaan takwa kepada manusia. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ قَالُوا
يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ الشِّرْكُ بِاللَّهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ
الْيَتِيمِ وَالتَّوَلِّي يَوْمَ الزَّحْفِ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ (متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan tentang tujuh dosa-dosa besar yang mesti dihindari.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan maksud makan riba. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan contoh perbuatan makan riba. [2 *markah*]

Firman Allah SWT :
"Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan tinggalkanlah saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang yang beriman".
(Surah Al-Baqarah : ayat 278)

(iii) Berdasarkan maksud ayat, mengapakah peringatan Allah SWT di atas masih berlaku dalam kalangan umat Islam masa kini? Bincangkan. [4 *markah*]

(c) Nyatakan cara bacaan bagi tanda wakaf berikut : [2 *markah*]

a) قُلِ ٱللَّهُ يَهۡدِي لِلۡحَقِّۗ

b) عَلَىٰٓ أَن تَأۡجُرَنِي ثَمَٰنِيَ حِجَجٖۖ

2 (a) Tuhan Harun, Ayah Pin dan Rasul Melayu adalah antara contoh ajaran sesat di Malaysia

(i) Jelaskan **dua** ciri kesesatan ajaran sesat dari aspek ibadah. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** kesan melakukan ajaran sesat dari aspek politik. [4 *markah*]

| |
|---|
| Maksud hadis :<br><br>“ aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat sekiranya berpegang dengannya, Kitab Allah dan sunnah nabinya”<br><br>(Riwayat Malik) |

(iii) Berdasarkan maksud hadis, ramalkan keadaan umat Islam jika mereka mengabaikan peringatan Rasulullah SAW di atas. [4 *markah*]

(b) Al-Syahid adalah sebahagian daripada al Asmaulhusna.

(i) Nyatakan maksud al-Syahid. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Syahid. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** kesan terhadap seseorang yang beriman dengan nama Allah SWT al-Syahid. [4 *markah*]

3 (a) (i) Nyatakan **dua** rukun sembelihan. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** perkara sunat sembelihan. [4 *markah*]

| |
|---|
| Sebuah pusat penyembelihan ayam dikenalpasti menyembelih ayam dengan menggunakan renjatan elektrik terhadap binatang sembelihan. |

(iii) Huraikan hukum sembelihan tersebut. [4 *markah*]

(b) Faraid mesti diuruskan oleh waris terhadap harta yang ditinggalkan oleh simati.

(i) Nyatakan maksud faraid. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** syarat sah bagi waris dalam pembahagian harta. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** hikmah pensyariatan faraid. [4 *markah*]

4 (a) Pemerintahan Kerajaan Umaiyyah tertegak selepas kerajaan Khulafa ar-Rasyidin.

(i) Nyatakan secara ringkas sejarah Kerajaan Bani Umaiyyah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan salah seorang daripada khalifah terkenal Kerajaan Umaiyyah. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** faktor kegemilangan pemerintahan Kerajaan Umaiyyah. [4 *markah*]

(b) Ahmad Bin Ibrahim merupakah salah seorang tokoh undang-undang di Malaysia.

(i) Nyatakan riwayat hidup Ahmad Bin Ibrahim. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam bidang perundangan. [4 *markah*]

| |
|---|
| Ahmad Bin Ibrahim mempunyai ketinggian akhlak dengan suka menyebarkan ilmu yang dimiliki. |

(iii) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda mencontohi ketinggian akhlak tersebut. [4 *markah*]

5. (a) (i) Nyatakan maksud Orang Kurang Upaya . [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** adab menyantuni Orang Kurang Upaya dari aspek emosi. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** hikmah beradab terhadap golongan Orang Kurang Upaya. [4 *markah*]

(b) (i) Apakah maksud fastaqim? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** contoh sifat istiqamah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. [4 *markah*]

Sifat istiqamah dalam diri seseorang akan menjamin kejayaannya di masa hadapan selagi dia kekal di jalan yang benar.

(iii) Kemukakan pandangan anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM**
**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH**

# MODUL MUMTAZ

# SET 3

# SPM 2022

# PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 1

2 JAM 30 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis* ***nama*** *dan t**ingkatan** anda pada ruangan yang disediakan*
2. *Modul ini mengandungi* ***lima*** *soalan.*
3. *Jawab* ***semua*** *bahagian*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada helaian kertas jawapan yang disediakan.*
5. *Serahkan helaian kertas jawapan anda kepada pengawas bertugas di akhir peperiksaan.*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | |
|---|---|---|
| Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| 1 | 20 | |
| 2 | 20 | |
| 3 | 20 | |
| 4 | 20 | |
| 5 | 20 | |
| **Jumlah** | **100** | |

Modul ini mengandungi 4 halaman bercetak.

*Jawab* ***semua*** *soalan*

1. (a) Firman Allah SWT:

> قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾
> هَٰذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا۟ وَلَا تَحْزَنُوا۟ وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ إِن
> كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾
>
> (Surah Ali-Imran : 137-139)

Ayat di atas menerangkan tentang Sunnatullah.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan maksud Sunnatullah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan sebab turun ayat 139 Surah Ali Imran di atas. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** kesan memahami Sunnatullah. [4 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

> عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ ، يَقُولُ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ : كُلُّكُمْ رَاعٍ ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، الإِمَامُ
> رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، وَالمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ
> عَنْ رَعِيَّتِهَا ، وَالخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ قَالَ : - وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ - وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي
> مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ (متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan tentang setiap orang adalah pemimpin dan bertanggungjawab atas kepimpinannya.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan maksud potongan hadis yang bergaris. [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **empat** tanggungjawab isteri terhadap suami. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 *markah*]

(c) Jelaskan salah satu pembahagian Ibtidak dan hukum bacaannya. [2 *markah*]

2. (a) Allah mempunyai 99 nama yang menggambarkan kesempurnaan sifat-sifat-Nya.

(i) Nyatakan maksud salah satu daripada nama Allah SWT berikut : [2 *markah*]
a) Al-Syahid
b) Al-Raqib

(ii) Jelaskan **dua** bukti Allah bersifat al-Raqib. [4 *markah*]

(b) Umat Islam wajib memelihara diri daripada melakukan perkara yang membatalkan iman.

(i) Senaraikan **dua** contoh iktikad yang membatalkan iman selain al-Ghaibiyyat. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** contoh iktikad yang membatalkan iman dari aspek al-Ghaibiyyat. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** kesan terhadap individu yang melakukan perkara membatalkan iman. [4 *markah*]




Persidangan Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Kebangsaan Malaysia bagi hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 72 pada 23 Januari 2006 telah memutuskan pengharaman Black Metal.

(iv) Rakan baik anda terlibat dengan kumpulan di atas. Apakah tindakan anda. [4 *markah*]

3. (a) Solat sunat Dhuha merupakan amalan yang sangat dituntut dalam Islam.

(i) Nyatakan maksud solat sunat Dhuha. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** hikmah menunaikan solat sunat Dhuha. [4 *markah*]

Kebanyakan masyarakat beranggapan bahawa pelaksanaan solat sunat Dhuha adalah semata-mata untuk menjemput rezeki dan menjadi kaya.

(iii) Huraikan hujah anda untuk memperbetulkan tanggapan tersebut. [4 *markah*]

(b) Ibadah korban ialah menyembelih binatang ternakan al-an'am pada 10 Zulhijjah hingga akhir hari Tasyrik bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

(i) Senaraikan **dua** binatang ternakan al-an'am yang disyariatkan korban. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara ibadah korban dan akikah. [4 *markah*]

(iii) Bagaimanakah ibadah korban boleh mewujudkan rasa kasih saying sesama umat Islam? Bincangkan. [4 *markah*]

4. (a) Saidina Umar Al-Khattab merupakan khalifah yang kedua dalam pemerintahan Khulafak Ar-Rasyidin.

(i) Nyatakan **dua** ciri kepimpinan khalifah Umar Bin Al-Khattab. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** pencapaian beliau dalam bidang ekonomi. [4 *markah*]

| |
|---|
| Saidina Umar Al-Khattab bersedia ditegur oleh Rasulullah SAW dengan menerima pendapat daripada sahabatnya Abu BakarAs-Siddiq tentang pembebasan tawanan perang Badar kerana menghormati keputusan mesyuarat. |

(iii) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda menerapkan sikap mulia Saidina Umar al-Khattab ke dalam diri anda ketika anda ditegur ajar oleh guru. Huraikan. [4 *markah*]

(b) Imam Ahmad Bin Hanbal merupakan salah seorang tokoh Imam empat mazhab.

(i) Nyatakan riwayat hidup beliau secara ringkas. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan Imam Ahmad Bin Hanbal. [4 *markah*]

| |
|---|
| Imam Ahmad Bin Hanbal merupakan seorang yang kuat melaksanakan ibadat nawafil (sunat). |

(iii) Sebagai seorang pelajar, huraikan bagaimana ibadat tersebut dapat menjamin kecemerlangan anda dalam pelajaran. [4 *markah*]

5. (a) Islam menitikberatkan adab terhadap orang sakit dan kurang upaya.

(i) Nyatakan **dua** adab terhadap orang sakit. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** hikmah beradab kepada orang sakit. [4 *markah*]

(iii) Pada pandangan anda, apakah kesan jika kita mengabaikan tanggungjawab terhadap orang sakit. Huraikan. [4 *markah*]

(b) (i) Senaraikan **dua** prinsip wasatiyyah selain kecemerlangan. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** ciri umat yang cemerlang. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** hikmah mengamalkan wasatiyyah dalam kehidupan. [4 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT

# SET 1
## UJIAN TILAWAH AL-QURAN, HAFAZAN DAN BACAAN HADIS

**(Petikan Ayat Tilawah dan Bacaan Hadis)**



1223/2(C ) ©2022 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Negeri Kedah

## ايات تلاوة

**[ 50 *markah* ]**

### توكسن 1

اندا دكهندقي ممباج ايات القرءان برايكوت

أَعُوذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَنْ اَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَآ اِلَى اللهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَّقَالَ اِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ٣٣ وَلَا تَسْتَوِى ٱلْحَسَنَةُ وَلَا
ٱلسَّيِّئَةُ ٱدْفَعْ بِٱلَّتِي هِىَ أَحْسَنُ فَإِذَا ٱلَّذِى بَيْنَكَ وَبَيْنَهُۥ عَدَٰوَةٌ كَأَنَّهُۥ وَلِىٌّ حَمِيمٌ ٣٤

صَدَقَ اللهُ العَظِيمُ

( سورة فصلت: 32 - 34 )



1223/2(C ) ©2022 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Negeri Kedah

**باچاءن حديث**

**[ 20 *markah* ]**

**تو كسن 3**

اندا دكهندقي ممباچ حديث برايكوت :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ :

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمْ اللَّهُ، فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لاَ ظِلَّ إِلاَّ ظِلُّهُ، اْلإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلاَنِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ، اجْتَمَعَا عَلَيْهِ، وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ، وَجَمَالٍ، فَقَالَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى، حَتَّى لاَ تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا، فَفَاضَتْ عَيْنَاه.

(متفق عليه)

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

SULIT

1223/2

PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 2

2022

# SET 2
## UJIAN TILAWAH AL-QURAN, HAFAZAN DAN BACAAN HADIS

**(Petikan Ayat Tilawah dan Bacaan Hadis)**



1223/2(C ) ©2022 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Negeri Kedah

## اية تلاوة

**[ 50 *markah* ]**

**توكسن 1**

اندا دكهندقي ممباج ايات القرءان برايكوت

أَعُوذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيطَانِ الرَّجِيمِ

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَجَٰهَدَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ لَا
يَسْتَوُۥنَ عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٩﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ
بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٢٠﴾

صَدَقَ اللهُ العَظِيمُ

( سورة التوبة : 19 - 20 )



1223/2(C ) ©2022 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Negeri Kedah

**باچاٴن حديث**

**[ 20 *markah* ]**

**توكسن 3**

اندا دكهندقي ممباچ حديث برايكوت :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ :

لأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ.

(رواية البخاري)

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

# SET 3
## UJIAN TILAWAH AL-QURAN, HAFAZAN DAN BACAAN HADIS

(Petikan Ayat Tilawah dan Bacaan Hadis)



1223/2(C ) ©2022 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Negeri Kedah

**اية تلاوة**

**[ 50 *markah* ]**

توكسن 1

اندا دكهندقي ممباج ايات القرءان برايكوت

أَعُوذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيطَانِ الرَّجِيمِ

وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ دِينَهُمۡ لَعِبٗا وَلَهۡوٗا وَغَرَّتۡهُمُ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَاۚ وَذَكِّرۡ بِهِۦٓ أَن تُبۡسَلَ نَفۡسُۢ بِمَا كَسَبَتۡ
لَيۡسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيّٞ وَلَا شَفِيعٞ وَإِن تَعۡدِلۡ كُلَّ عَدۡلٖ لَّا يُؤۡخَذۡ مِنۡهَآۗ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أُبۡسِلُواْ بِمَا
كَسَبُواْۖ لَهُمۡ شَرَابٞ مِّنۡ حَمِيمٖ وَعَذَابٌ أَلِيمُۢ بِمَا كَانُواْ يَكۡفُرُونَ ٧٠

صَدَقَ اللهُ العَظِيمُ

(سورة الأنعام : 70)



1223/2(C ) ©2022 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Negeri Kedah

**باچاٴن حديث**

**[ 20 *markah* ]**

**توکسن 3**

اندا دکهندقي ممباچ حديث برايکوت :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ :
اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ : الشِّرْكُ بِاللَّهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَالتَّوَلِّي يَوْمَ الزَّحْفِ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ.

(متفق عليه)

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

*Dibina dan disusun oleh :*

MOHD ASRULNIZAM BIN MD YUSUF
*Sektor Pendidikan Islam, JPN Kedah*

MOHD FADLAIL YADAIN BIN BAHAROM
*PPD Pendang*

SHALEHAH BINTI MAT ZAIN
*SMK Labu Besar*

NOR ‘ARIFAH BINTI ABD RAOF
*SMK Che Tom ‘SRT’*

MOHD YUSFADZILLAH BIN MOHD YUSOFF
*SM Sultan Abdul Halim*

SITI RAHAYU BINTI JAIDON
*SMK Seri Ampang*

HARTINI BINTI MOHD DESA
*SMK Bakai*

SALEHAH BINTI ABU BAKAR
*SMK Darulaman Height 1*

SODIQAH BINTI MUHAMAD
*SMK Jalan Paya Besar*

MOHAMAD NOOR AZLAN BIN IDRIS
*SMK Syed Abu Bakar*

NUSAIBAH BINTI ABDULLAH
*SMK Jerlun*

SITI AMINAH BINTI YAAKOB
*SMK Pedu*

SOBIROH BINTI LONG
*SMK Bandar Baru Sintok*

SHARTINI BINTI SHAFIE
*SMK Paya Kemunting*

NUSAIBAH BINTI ABDULLAH
*SMK Pulau Nyior*

NURUL MUNIRAH BINTI ABDUL RAHIM
*SMK Ayer Hangat*

NURUL HUDA BINTI ZAKARIA
*SMK Jeneri*